



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam yang turut dihadiri Ahmad Zahid dan Fadillah (kanan). (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

BERITA HARIAN 22 JUL 2025 m/s: 2

# 86.4 peratus projek berjaya dilaksanakan

**Kerajaan buktikan kesungguhan terjemah setiap pelaburan kepada hasil nyata**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak 86.4 peratus daripada lebih 3,000 projek yang diluluskan antara 2022 hingga kini berjaya dilaksanakan, sekali gus menepis tohmahan kononnya pelaburan yang dibawa kerajaan hanya gimik semata-mata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata angka pelaksanaan itu membuktikan komitmen kerajaan dalam memastikan setiap pelaburan yang diumumkan benar-benar diterjemah kepada hasil nyata di lapangan.

“Daripada 3,494 projek yang diluluskan sejak 2022, sebanyak 3,095 memulakan operasi dengan kadar pelaksanaan mencecah 86.4 peratus.

“Orang kata pelaburan berbilion tak nampak hasil. Ini buktinya, projek sudah berjalan. Untuk 2023 sahaja, kadar pelaksanaan ialah 90.6 peratus. Tahun 2024 pula 79.2 peratus, manakala bagi suku pertama 2025, sebanyak 49.8 peratus projek baharu sedang berjalan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ah-

mad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar berkata, pelaburan yang diluluskan banyak tertumpu dalam sektor pembuatan, terutama membabitkan teknologi digital dan hijau yang menjadi antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

## Terus perinci status projek

“Saya sudah maklumkan kepada Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz supaya terus perincian lokasi dan status pelaksanaan projek sama ada di Kulim Hi-Tech, Johor, Sarawak, Sabah, Lembah Klang atau Kuala Lumpur.

“Ini bukan angka kosong. Ia membabitkan operasi sebenar, kilang sebenar dan peluang pekerjaan sebenar,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar memaklumkan Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) yang ditubuhkan di bawah MITI setakat ini sudah menerima sebanyak 28,166 permohonan projek pelaburan dengan kadar penyelesaian mencapai 99.9 peratus.

“Ini saya umum dan jenteranya ialah penjawat awam. Apabila ada pelaksanaan yang pantas dan berkesan, kita perlu iktiraf.

“Kalau ada satu dua aduan itu biasa, tetapi janganlah sampai digambarkan seolah-olah tiada kerja langsung sedang dijalankan,” katanya.

## Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Wanita dikahwini kerana empat hal: harta bendanya, status sosialnya, keindahan wajahnya, dan ketaatannya kepada agama. Pilihlah wanita taat kepada agama, maka kamu akan berbahagia.” (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:28	4:50	7:40	8:54
Alor Setar	5:59	1:27	4:50	7:39	8:53
P. Pinang	6:01	1:27	4:50	7:38	8:52
Ipoh	6:00	1:25	4:48	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:59	1:22	4:46	7:31	8:44
Shah Alam	5:59	1:22	4:46	7:31	8:44
Johor Bahru	5:53	1:14	4:37	7:19	8:32
Kuantan	5:54	1:17	4:40	7:24	8:38
Seremban	5:59	1:21	4:45	7:28	8:41
Bandar Melaka	5:58	1:20	4:43	7:26	8:40
Kota Bharu	5:52	1:20	4:43	7:32	8:42
K. Terengganu	5:50	1:16	4:39	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:57	12:24	3:47	6:35	7:50
Kuching	5:28	12:49	4:12	6:54	8:08